

## Haiwan Dalam Kitab Jihad Wa Siyar Sahih Bukhari

Noratikah Che Yusof (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0105705269 E-Mail: [noratikahcheyusof101@gmail.com](mailto:noratikahcheyusof101@gmail.com)

Dr. Zulhilmi Mohamed Nor

Pensyarah. Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 067986733 E-Mail [zulhilmi@usim.edu.my](mailto:zulhilmi@usim.edu.my)

Dr. Mohd Hamidi Ismail

Pensyarah. Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 067988269 E-Mail [hamidi@usim.edu.my](mailto:hamidi@usim.edu.my)

### Abstrak

Umum mengetahui bahawa Kitab Jihad wa Siyar dalam Kitab Sahih Bukhari merupakan himpunan hadis-hadis sahih oleh Imam Bukhari berkaitan dengan perjuangan jihad dan perjalanan Nabi SAW serta para sahabat ra dalam menegakkan kedaulatan Islam sebagai satu agama yang *syumul*. Selain perbincangan tentang jihad dan perjalanan musafir, Imam Bukhari turut menyelitkan hadis-hadis Nabi SAW berkaitan dengan haiwan di dalam Kitab tersebut. Justeru, artikel ini disediakan bagi mengupas dan menyelidik perbincangan tentang haiwan-haiwan tersebut dalam hadis Nabi SAW yang terdapat di dalam Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari adakah ia mempunyai kaitan dengan perbincangan jihad? Juga mengumpulkan secara umum semua lafaz Nabi SAW berkaitan dengan perbincangan haiwan tersebut. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk Kitab Sahih Bukhari sebagai rujukan utama dan Kitab-Kitab Syarah Sahih Bukhari sebagai rujukan sampingan. Data yang dikumpulkan telah dianalisis kandungannya bagi merumuskan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa perbincangan haiwan mempunyai kaitan secara langsung dengan perbincangan jihad di dalam Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari. Diharapkan artikel ini menjadi salah satu sumbangan dalam mengembangkan bidang keilmuan berdasarkan hadis Nabi SAW dan memaparkan sudut kesempurnaan ajaran Rasulullah SAW.

**Kata kunci:** Haiwan, Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari

### Pendahuluan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2023), haiwan merupakan makhluk yang bernyawa yang tidak mempunyai akal untuk berfikir. Mohd Farhan (2015) dan Putra et. al (2022) menjelaskan bahawa haiwan itu sendiri merupakan salah satu daripada makhluk hidup yang diciptakan dan

mempunyai kaitan yang unik dan erat dengan manusia dan alam sekitar. Bahkan Sands et.al (2012) menjelaskan bahawa manusia diberikan tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar serta makhluk hidup yang lain untuk kelangsungan habitat. Selain daripada haiwan dijadikan ternakan dan sumber makanan, terdapat juga sebahagian haiwan yang digunakan sebagai alat dan senjata oleh manusia untuk kegunaan perang. Perkara ini menunjukkan kebergantungan manusia terhadap spesies lain bagi menjamin keamanan dan kedaulatan negara. Selama beberapa dekad peperangan berlaku, manusia menjadikan haiwan sebagai salah satu taktikal atau alat yang digunakan untuk membantu menghadapi peperangan menentang musuh. Setiap haiwan yang digunakan untuk tujuan peperangan mempunyai fungsi dan tugas tersendiri berdasarkan latihan yang diberikan kepada mereka. Bahkan Hediger, R. (2012) dalam tulisannya terdapat pelbagai jenis haiwan yang digunakan dalam latihan ketenteraan seperti haiwan yang berkaki empat (kuda, keldai, anjing, lembu, rusa, unta & gajah), haiwan di udara (merpati & kelawar), mamalia di lautan (ikan lumba-lumba) dan juga bakteria sebagai alat dalam peperangan.

Artikel ini akan membahaskan dengan lebih jauh tentang haiwan yang terdapat di dalam Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari dan mempunyai kaitan dengan jihad dan peperangan. Berdasarkan analisa, pengkaji mengkategorikan haiwan ini kepada empat perbahasan mengikut jenis haiwan yang terdapat di dalam hadis-hadis jihad iaitu tentang kuda, keldai, baghal dan unta, yang mana kebanyakan daripada haiwan ini digunakan untuk tujuan peperangan. Di setiap pembahagian tersebut, akan terdapat pembahagian kecil yang lain berdasarkan himpunan hadis jihad yang telah dianalisis oleh pengkaji. Selain, itu pengkaji mendapati terdapat 39 hadis daripada hadis-hadis jihad yang berkaitan dengan tajuk pembahagian haiwan dan akan dibahaskan secara terperinci di setiap perbahasan yang sesuai

## **Haiwan Dalam Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari**

### **1. Kuda**

#### **1.1. Keberkatan pada dahi kuda**

Terdapat empat hadis yang membahaskan tentang keberkatan pada dahi kuda yang terdapat dibawah bab yang berbeza. Tiga daripadanya terletak dibawah satu bab yang sama iaitu bab “Kebaikan akan kekal pada dahi kuda” manakala satu lagi hadis di bawah tajuk “Jihad hendaklah dijalankan sama ada pemerintah Islam itu baik atau buruk”. Al-Hafiz Ibn Hajar menjelaskan bahawa Imam Bukhari membuat tajuk bab tersebut bersesuaian dengan lafaz yang ada pada hadis yang dikumpulkan, walaupun terdapat penambahan matan ia tidak merubah maksud utama hadis.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا .  
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْحَيْلُ فِي نَوَاصِيهَا الْحَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ " .<sup>1155</sup>

حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ حُصَيْنٍ، وَابْنِ أَبِي السَّفَرِ، عَنِ الشَّعْبِيِّ، عَنْ عُرْوَةَ  
بْنِ الْجَعْدِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الْحَيْلُ مَعْقُودٌ فِي نَوَاصِيهَا الْحَيْرُ إِلَى يَوْمِ  
الْقِيَامَةِ " . قَالَ سُلَيْمَانُ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ .<sup>1156</sup>

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ شُعْبَةَ، عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ .  
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْبَرْكَةُ فِي نَوَاصِي الْحَيْلِ " .<sup>1157</sup>

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ، حَدَّثَنَا زَكَرِيَاءُ، عَنْ عَامِرٍ، حَدَّثَنَا عُرْوَةُ الْبَارِقِيُّ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ " الْحَيْلُ مَعْقُودٌ فِي نَوَاصِيهَا الْحَيْرُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ الْأَجْرُ وَالْمَعْنَمُ " .<sup>1158</sup>

Keempat-empat hadis tersebut menjelaskan bahawa kebaikan dan keberkatan pada dahi kuda sehingga hari kiamat yang dimaksudkan oleh Nabi SAW ialah kuda yang disiapkan untuk tujuan jihad dan peperangan. Ini bertepatan dengan fungsi kuda yang biasanya digunakan sebagai tunggangan pada waktu perang. Ini ditambah dengan pandangan Qadhi Iyadh yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar bahawa kuda yang disiapkan untuk kepentingan jihad memiliki kebaikan dan keberkatan, kerana kebaikan pada hadis tersebut ditafsirkan dengan pahala dan rampasan perang. Imam Ahmad mengatakan bahawa harta rampasan dan pahala yang dimaksudkan hanya ada pada kuda yang digunakan untuk berjihad. Al-Hafiz Ibn Hajar berpendapat bahawa hadis ini dijadikan dalil bagi menolak pemahaman yang menganggap wujud kesialan pada kuda. Ini kerana kebaikan pada kuda akan dapat dinikmati apabila kuda tersebut digunakan pada jalan kebaikan berbeza jika digunakan pada jalan keburukan hanya mendatangkan kesialan dan dosa.

## 1.2. Pemeliharaan kuda

<sup>1155</sup> Lihat no hadis 2849

<sup>1156</sup> Lihat no hadis 2850

<sup>1157</sup> Lihat no hadis 2851

<sup>1158</sup> Lihat no hadis 2852

Terdapat empat hadis yang membahaskan tentang pemeliharaan kuda dan dikategorikan kepada tiga kategori kecil iaitu tentang tujuan memelihara kuda, kebaikan memelihara kuda dan keburukan yang ada pada kuda.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، عَنْ أَبِي صَالِحِ السَّمَّانِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الْحَيْلُ لِثَلَاثَةِ رَجُلٍ أَجْرٌ، وَلِرَجُلٍ سِتْرٌ، وَعَلَى رَجُلٍ وَزْرٌ، فَأَمَّا الَّذِي لَهُ أَجْرٌ فَرَجُلٌ رَبَطَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَأَطَالَ فِي مَرْجٍ أَوْ رَوْضَةٍ، فَمَا أَصَابَتْ فِي طِيلِهَا ذَلِكَ مِنَ الْمَرْجِ أَوْ الرَّوْضَةِ كَانَتْ لَهُ حَسَنَاتٍ، وَلَوْ أَهَّأَهَا قَطَعَتْ طِيلَهَا فَاسْتَنْتَ شَرَفًا أَوْ شَرَفَيْنِ كَانَتْ أَرْوَاهُهَا وَأَنَارُهَا حَسَنَاتٍ لَهُ، وَلَوْ أَهَّأَهَا مَرَّتْ بِنَهْرٍ فَشَرِبَتْ مِنْهُ وَلَمْ يُرِدْ أَنْ يَسْقِيَهَا كَانَ ذَلِكَ حَسَنَاتٍ لَهُ، وَرَجُلٌ رَبَطَهَا فَحَرًّا وَرِتَاءً وَنَوَاءً لِأَهْلِ الْإِسْلَامِ فَهِيَ وَزْرٌ عَلَى ذَلِكَ " . وَسُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحُمْرِ، فَقَالَ " مَا أَنْزَلَ عَلَيَّ فِيهَا إِلَّا هَذِهِ الْآيَةُ الْجَامِعَةُ الْفَادَةُ { فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ \* } وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ " .<sup>1159</sup>

Bagi kategori pertama tentang tujuan pemeliharaan kuda, Imam Bukhari meletakkan hadis tersebut di bawah bab “Kuda disimpan untuk tiga tujuan” yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra . Hadis ini mengisahkan sabda Nabi SAW tentang tujuan memelihara kuda itu ada tiga iaitu sebagai sumber pahala, sebagai tempat berteduh dan juga sebagai punca dosa. Al-Hafiz Ibn Hajar menjelaskan bahawa berdasarkan hadis ini Imam Bukhari mengkategorikan tujuan kuda itu kepada tiga keadaan iaitu diharuskan, dibolehkan dan larangan. Setiap satu dari hukum tersebut bergantung kepada niat seseorang muslim dalam memelihara dan menguruskan kuda, samada bagi tujuan baik atau sekadar menunjukkan kesombongan dan kepura-puraan. Dalam riwayat Al Kasymihani memelihara kuda membawa dua maksud iaitu sebagai tunggangan atau perdagangan. Jika setiap satu disertai dengan ketaatan kepada Allah SWT maka ia termasuk kepada bahagian yang pertama iaitu pahala tetapi jika sebaliknya seperti maksiat maka ia termasuk sebagai punca dosa.

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حَفْصٍ، حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ، أَخْبَرَنَا طَلْحَةُ بْنُ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ سَمِعْتُ سَعِيدًا الْمَقْبُرِيَّ، يُحَدِّثُ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . يَقُولُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>1159</sup> Lihat no hadis 2860

"مَنْ احْتَبَسَ فَرَسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِيمَانًا بِاللَّهِ وَتَصَدِيقًا بِوَعْدِهِ، فَإِنَّ شِبَعَهُ وَرِيَّةَ وَرَوْتَهُ وَبَوْلَهُ فِي مِيزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ".<sup>1160</sup>

Kategori kedua pula ialah tentang kebaikan memelihara kuda bagi persiapan untuk berjihad di jalan Allah SWT. Hal ini berdasarkan hadis yang terdapat di bawah tajuk "Memelihara kuda untuk jihad" yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra. Hadis ini menghuraikan tentang pemelihara kuda yang akan mendapat ganjaran pahala pada hari kiamat sehingga setiap makanan, minuman, kotoran dan kencing kuda akan menjadi faktor pemberat timbangan amalan pada hari kiamat kerana keimanan dan kepercayaan kepada Allah SWT.

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ، أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، قَالَ أَخْبَرَنِي سَالِمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا . قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ "إِنَّمَا الشُّؤْمُ فِي ثَلَاثَةٍ فِي الْفَرَسِ وَالْمَرْأَةِ وَالِدَّارِ".<sup>1161</sup>

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ بْنِ دِينَارٍ، عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدِ السَّاعِدِيِّ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "إِنْ كَانَ فِي شَيْءٍ فِي الْمَرْأَةِ وَالْفَرَسِ وَالْمَسْكَنِ".<sup>1162</sup>

Manakala kategori ketiga pula, tentang keburukan yang ada pada kuda. Berdasarkan dua hadis yang telah disusun oleh Imam Bukhari di bawah tajuk "Apa yang telah dikatakan tentang petanda buruk pada seekor kuda" yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar ra dan Sahal bin Sa'ad As-Sa'idiy ra. Kedua hadis ini menjelaskan bahawa terdapat tiga perkara yang mendatangkan kesialan iaitu kuda, wanita dan tempat tinggal. Menurut pandangan daripada al-Imam Abdurrazzaq yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar bahawa kesialan pertama pada wanita kerana tidak dapat melahirkan (mandul), kedua pada kuda peliharaan yang tidak digunakan untuk tujuan peperangan dan ketiga pada tempat tinggal yang mempunyai tetangga yang buruk sifatnya.

### 1.3. Nama-nama kuda

<sup>1160</sup> Lihat no hadis 2853

<sup>1161</sup> Lihat no hadis 2858

<sup>1162</sup> Lihat no hadis 2859

Terdapat tiga hadis yang membahaskan tentang nama-nama kuda yang terdapat di dalam hadis-hadis jihad. Hal ini berdasarkan tiga buah hadis yang terdapat dibawah satu bab yang sama iaitu bab “Untuk menamakan kuda dan keldai”.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ، حَدَّثَنَا فَضَيْلُ بْنُ سُلَيْمَانَ، عَنْ أَبِي حَازِمٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ حَرَجَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَحَلَّفَ أَبُو قَتَادَةَ مَعَ بَعْضِ أَصْحَابِهِ وَهُمْ مُحْرَمُونَ وَهُوَ غَيْرُ مُحْرِمٍ، فَرَأَوْا حِمَارًا وَحَشِيًّا قَبْلَ أَنْ يَرَاهُ، فَلَمَّا رَأَوْهُ تَرَكَوهُ حَتَّى رَأَاهُ أَبُو قَتَادَةَ، فَرَكِبَ فَرَسًا لَهُ يُقَالُ لَهُ الْجَرَادَةُ، فَسَأَلَهُمْ أَنْ يُنَاقِلُوهُ سَوْطَهُ فَأَبَوْا، فَتَنَاوَلَهُ فَحَمَلَهُ فَعَقَرَهُ، ثُمَّ أَكَلَ فَأَكَلُوا، فَنَدِمُوا فَلَمَّا أَدْرَكَوهُ قَالَ " هَلْ مَعَكُمْ مِنْهُ شَيْءٌ " . قَالَ مَعَنَا رِجْلُهُ، فَأَخَذَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَكَلَهَا.<sup>1163</sup>

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ، حَدَّثَنَا مَعْنُ بْنُ عَيْسَى، حَدَّثَنَا أُبَيُّ بْنُ عَبَّاسٍ بْنِ سَهْلٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ كَانَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَائِطِنَا فَرَسٌ يُقَالُ لَهُ اللُّحَيْفُ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ بَعْضُهُم اللُّحَيْفُ<sup>1164</sup>

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا عُندَرٌ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، سَمِعْتُ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كَانَ فَرَسٌ بِالْمَدِينَةِ، فَاسْتَعَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا لَنَا يُقَالُ لَهُ مَنْدُوبٌ. فَقَالَ " مَا رَأَيْنَا مِنْ فَرَسٍ، وَإِنْ وَجَدْنَاهُ لَبَحْرًا"<sup>1165</sup> .

Ketiga hadis ini menjelaskan tentang nama kuda seperti hadis pertama menjelaskan nama kuda yang ditunggang oleh Abu Qatadah yang bernama *Jaradah* dalam keadaan tidak berihram untuk menyembelih kuda belang yang dijumpainya ketika dalam perjalanan bersama Nabi SAW dan juga beberapa sahabat yang lain. Hadis kedua pula, menjelaskan tentang kuda yang pernah dimiliki oleh Nabi SAW bernama *Al-Luhaiif* dan sebahagian lain menamakannya dengan *Al-Lukhoif*. Manakala hadis ketiga pula menjelaskan tentang nama kuda yang pernah dinaiki oleh Nabi SAW bernama *Mandub* ketika baginda SAW meminjam untuk memantau keadaan yang mencetuskan kebimbangan penduduk Madinah.

<sup>1163</sup> Lihat no hadis 2854

<sup>1164</sup> Lihat no hadis 2855

<sup>1165</sup> Lihat no hadis 2857

#### 1.4. Pelana kuda

Terdapat dua hadis yang membahaskan tentang pelana kuda yang terdapat dibawah bab “Pelana dan sanggul haiwan”, dan “Menunggang kuda yang tidak berpelana”.

حَدَّثَنِي عَبْدُ بَنِي إِسْمَاعِيلَ، عَنْ أَبِي أُسَامَةَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رَضِيَ  
اللَّهُ عَنْهُمَا . عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . أَنَّهُ كَانَ إِذَا أَدْخَلَ رِجْلَهُ فِي الْعَزْرِ وَاسْتَوَتْ بِهِ  
نَاقَتُهُ قَائِمَةً، أَهَلَ مِنْ عِنْدِ مَسْجِدِ ذِي الْحُلَيْفَةِ.<sup>1166</sup>

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اسْتَقْبَلَهُمُ النَّبِيُّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى فَرَسٍ عُزْبِيٍّ، مَا عَلَيْهِ سَرْجٌ، فِي عُتْقِهِ سَيْفٌ.<sup>1167</sup>

Hadis pertama mengisahkan tentang Nabi SAW yang meletakkan kakinya di dalam pelana yang terbuat daripada kulit. Manakala hadis kedua pula merupakan sebahagian hadis tentang Nabi SAW meminjam kuda daripada Abu Talhah. Hadis ini mengisahkan tentang Nabi SAW yang menunggang kuda tanpa menggunakan pelana. Situasi ini menunjukkan kemahiran Nabi SAW dalam menunggang kuda, ini kerana menunggang tanpa pelana atau peralatan yang lengkap akan menyukarkan penunggang jika mereka tidak mahir.

#### 1.5. Perlumbaan kuda

Terdapat tiga hadis yang membahaskan tentang perlumbaan kuda, yang mana ia terletak dibawah bab “Perlumbaan kuda”, hadis kedua di bawah bab “*Idmar* (persediaan) kuda untuk perlumbaan” dan hadis ketiga pula di bawah bab “Had perlumbaan kuda”.

حَدَّثَنَا قَيْصَةُ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا .  
قَالَ أَجْرَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا ضَمَّرَ مِنَ الْخَيْلِ مِنَ الْحَفْيَاءِ إِلَى ثَنِيَّةِ الْوَدَاعِ، وَأَجْرَى  
مَا لَمْ يُضَمَّرَ مِنَ الثَّنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِي زُرَيْقٍ . قَالَ ابْنُ عُمَرَ وَكُنْتُ فِيمَنْ أَجْرَى . قَالَ عَبْدُ اللَّهِ

<sup>1166</sup> Lihat no hadis 2865

<sup>1167</sup> Lihat no hadis 2866

حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ. قَالَ سُفْيَانُ بَيْنَ الْحَفْيَاءِ إِلَى ثَنِيَّةِ الْوَدَاعِ حَمْسَةٌ أَمْيَالٍ  
أَوْ سِتَّةٌ، وَبَيْنَ ثَنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِي زُرَيْقٍ مِيلٌ.<sup>1168</sup>

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ. رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَابَقَ بَيْنَ الْحَيْلِ الَّتِي لَمْ تُضَمَّرْ، وَكَانَ أَمْدُهَا مِنَ الثَّنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِي زُرَيْقٍ.  
وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ كَانَ سَابِقَ بِهَا. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ أَمْدًا غَايَةً فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمْدُ<sup>1169</sup>

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ، حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ، عَنْ مُوسَى بْنِ عُقْبَةَ، عَنْ  
نَافِعٍ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ. رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا. قَالَ سَابَقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الْحَيْلِ  
الَّتِي قَدْ أُضْمِرَتْ فَأَرْسَلَهَا مِنَ الْحَفْيَاءِ، وَكَانَ أَمْدُهَا ثَنِيَّةَ الْوَدَاعِ. فَقُلْتُ لِمُوسَى فَكَمْ كَانَ  
بَيْنَ ذَلِكَ قَالَ سِتَّةٌ أَمْيَالٍ أَوْ سَبْعَةٌ. وَسَابَقَ بَيْنَ الْحَيْلِ الَّتِي لَمْ تُضَمَّرْ، فَأَرْسَلَهَا مِنْ ثَنِيَّةِ  
الْوَدَاعِ، وَكَانَ أَمْدُهَا مَسْجِدَ بَنِي زُرَيْقٍ، قُلْتُ فَكَمْ بَيْنَ ذَلِكَ قَالَ مِيلٌ أَوْ نَحْوُهُ. وَكَانَ ابْنُ  
عُمَرَ مِمَّنْ سَابَقَ فِيهَا<sup>1170</sup>.

Ketiga-tiga hadis ini membahaskan tentang pensyariatan perlumbaan kuda yang dimulai oleh Nabi SAW sebagai satu bentuk latihan peperangan bagi sahabat ra dan kudanya. Hadis pertama mengisahkan tentang dua jenis perlumbaan kuda yang disediakan oleh Nabi SAW iaitu kuda yang dilatih untuk kegunaan perang dan kuda biasa samada kuda peliharaan atau untuk kegunaan harian. Tiada halangan bagi melakukan perlumbaan diantara kuda yang terlatih atau kuda yang belum dilatih dalam satu waktu yang sama. Hadis kedua dan ketiga pula menjelaskan tentang n Nabi SAW telah menetapkan jarak perlumbaan diantara kuda yang sudah terlatih dan juga kuda belum dilatih. Bagi jarak untuk kuda yang sudah dilatih jaraknya dimulai dari *al hafya* iaitu satu tempat yang terletak di luar kota Madinah hingga ke *tsaniyyatul wada'* yang mana jarak antara keduanya enam atau 11.2 km. Manakala bagi kuda biasa pula jaraknya dimulai dari tempat *tsaniyyatul wada'* sehingga masjid *bani zuraiq* yang mana jaraknya hanya satu 1.6 km atau sekitar itu.

#### 1.6. Kuda yang perlahan

<sup>1168</sup> Lihat no hadis 2868

<sup>1169</sup> Lihat no hadis 2869

<sup>1170</sup> Lihat no hadis 2870



Terdapat lapan hadis berulang yang membahaskan tentang kuda sahabat ra yang dipinjam oleh Nabi SAW ketika terjadi kekacauan di Kota Madinah pada waktu malam. Berdasarkan hadis jihad di dalam Kitab Jihad wa Siyar, pengkaji mendapati terdapat tujuh buah hadis yang berulang diletakkan dibawah tajuk yang berbeza mengikut perbincangan Imam Bukhari. Hadis pertama dibawah tajuk “Keberanian dan pengecut dalam pertempuran”, hadis kedua dibawah bab “Untuk menamakan kuda dan keldai”, hadis ketiga “Menunggan Haiwan Yang Tidak Boleh Diurus Atau Kuda Jantan”, hadis keempat “Kuda Yang Perlahan”, hadis kelima “Tali untuk menggantung pedang dan penggantung pedang di leher”, hadis keenam “Keluar dari imam, di hadapan orang ramai dalam ketakutan”, hadis ketujuh “Cepat pada waktu ketakutan” dan hadis kelapan “Jika orang ramai ketakutan pada waktu malam”. Kelapan hadis ini diriwayatkan oleh seorang perawi yang sama iaitu Anas ra tetapi melalui periwayatan yang berbeza antara satu sama lain.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ وَاقِدٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ، رَضِيَ اللَّهُ  
عنه قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ وَأَشَجَعَ النَّاسِ وَأَجْوَدَ النَّاسِ، وَلَقَدْ  
فَرَعَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ، فَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَقَهُمْ عَلَى فَرَسٍ، وَقَالَ "وَجَدْنَاهُ  
بَحْرًا". 1171.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا عُندَرٌ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، سَمِعْتُ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ .  
رَضِيَ اللَّهُ عنه . قَالَ كَانَ فَرَعٌ بِالْمَدِينَةِ، فَاسْتَعَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا لَنَا يُقَالُ لَهُ  
مَنْدُوبٌ. فَقَالَ "مَا رَأَيْنَا مِنْ فَرَعٍ، وَإِنْ وَجَدْنَاهُ لَبْحْرًا". 1172.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ، عَنْ قَتَادَةَ، سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ .  
رَضِيَ اللَّهُ عنه . قَالَ كَانَ بِالْمَدِينَةِ فَرَعٌ، فَاسْتَعَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا لِأَبِي طَلْحَةَ،  
يُقَالُ لَهُ مَنْدُوبٌ فَرَكِبَهُ، وَقَالَ "مَا رَأَيْنَا مِنْ فَرَعٍ، وَإِنْ وَجَدْنَاهُ لَبْحْرًا". 1173.

<sup>1171</sup> Lihat no hadis 2820

<sup>1172</sup> Lihat no hadis 2857

<sup>1173</sup> Lihat no hadis 2862

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى بْنُ حَمَّادٍ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ، حَدَّثَنَا سَعِيدٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ أَهْلَ الْمَدِينَةِ فَرَعُوا مَرَّةً، فَرَكَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا لِأَبِي طَلْحَةَ كَانَ يَقْطِفُ . أَوْ كَانَ فِيهِ قِطَافٌ . فَلَمَّا رَجَعَ قَالَ " وَجَدْنَا فَرَسَكُمْ هَذَا بَحْرًا" . فَكَانَ بَعْدَ ذَلِكَ لَا يُجَارَى. 1174

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ وَأَشْجَعَ النَّاسِ، وَلَقَدْ فَرَعَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ لَيْلَةً فَخَرَجُوا نَحْوَ الصَّوْتِ فَاسْتَقْبَلَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدِ اسْتَبْرَأَ الْحَبْرَ، وَهُوَ عَلَى فَرَسٍ لِأَبِي طَلْحَةَ عُزْرِي وَفِي عُنُقِهِ السَّيْفُ وَهُوَ يَقُولُ " لَمْ تُرَاعُوا لَمْ تُرَاعُوا" . ثُمَّ قَالَ " وَجَدْنَاهُ بَحْرًا" . أَوْ قَالَ " إِنَّهُ لَبَحْرٌ" . 1175

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ شُعْبَةَ، حَدَّثَنِي قَتَادَةُ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كَانَ بِالْمَدِينَةِ فَرْعٌ، فَرَكَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا لِأَبِي طَلْحَةَ، فَقَالَ " مَا رَأَيْنَا مِنْ شَيْءٍ، وَإِنْ وَجَدْنَاهُ لَبْحْرًا" . 1176

حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ سَهْلٍ، حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا جَرِيرُ بْنُ حَازِمٍ، عَنْ مُحَمَّدٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ فَرَعَ النَّاسُ فَرَكَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَسًا

1174 Lihat no hadis 2867

1175 Lihat no hadis 2908

1176 Lihat no hadis 2968

لَأَبِي طَلْحَةَ بَطِيئًا، ثُمَّ خَرَجَ يَرْكُضُ وَحْدَهُ، فَرَكَبَ النَّاسُ يَرْكُضُونَ خَلْفَهُ، فَقَالَ "مَ تُرَاعُوا،  
إِنَّهُ لَبَحْرٌ". فَمَا سُبِقَ بَعْدَ ذَلِكَ الْيَوْمِ.<sup>1177</sup>

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كَانَ رَسُولُ  
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ، وَأَجْوَدَ النَّاسِ، وَأَشْجَعَ النَّاسِ، قَالَ وَقَدْ فَرَعَ أَهْلُ  
الْمَدِينَةِ لَيْلَةً سَمِعُوا صَوْتًا، قَالَ فَتَلَقَّاهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى فَرَسٍ لَأَبِي طَلْحَةَ  
عُرِيٍّ، وَهُوَ مُتَقَلِّدٌ سَيْفَهُ فَقَالَ "مَ تُرَاعُوا، مَ تُرَاعُوا". ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
"وَجَدْتُهُ بَحْرًا". يَعْنِي الْفَرَسَ.<sup>1178</sup>

Bagi hadis pertama dan kedua membahas tentang keberanian Nabi SAW sebagai orang yang pertama memeriksa keadaan yang berbahaya dengan menunggang kuda yang milik Abu talhah yang bernama *mandub* (hadis kedua telah dibahas dalam perbahasan tentang nama kuda). Hadith ketiga mengisahkan tentang kuda yang ditunggangi oleh Nabi SAW merupakan kuda yang sulit ditunggang kerana merupakan kuda jantan yang lariannya sangat laju. Hadis keempat merupakan hadis yang mengisahkan tentang kuda yang ditunggang Nabi SAW dengan larian yang perlahan atau langkah yang sempit menjadi cepat dan tangkas atas keberkatan Nabi SAW keatas kuda tersebut. Hadis kelima, mengisahkan tentang Nabi SAW yang menggantungkan pedang miliknya di leher kuda yang ditunggangi selepas melakukan pemeriksaan terhadap ancaman yang menggusarkan penduduk Kota Madinah. Bagi hadis keenam, ketujuh dan terakhir berada pada tajuk yang berbeza, tetapi mempunyai perbahasannya hampir sama, berkaitan tentang sikap Nabi SAW sebagai pemimpin yang menjadi orang pertama memantau keadaan sekeliling apabila berlakunya ancaman dan menenangkan penduduk sekitar yang ketakutan.

#### 1.7. Kuda yang disedekahkan

Terdapat empat hadis berulang yang membahas tentang kuda yang disedekahkan oleh sahabat untuk tujuan jihad, tetapi mempunyai jalur periwayatan, matan hadis dan fokus yang berbeza. Dua hadis terletak dibawah bab yang sama iaitu bab "Upah yang diberikan kepada orang lain untuk berjuang" dan dua hadis lainnya terletak dibawah bab "Jika seseorang memberikan kudanya pada jalan Allah SWT dan kemudiannya dia melihatnya dijual". Hadith pertama dan keempat diriwayatkan oleh

<sup>1177</sup> Lihat no hadis 2969

<sup>1178</sup> Lihat no hadis 3040

perawi yang sama iaitu Umar Al-Khattab ra manakala hadis kedua dan ketiga pula diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar ra.

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، قَالَ سَمِعْتُ مَالِكَ بْنَ أَنَسٍ، سَأَلَ زَيْدَ بْنَ أَسْلَمَ، فَقَالَ زَيْدٌ  
سَمِعْتُ أَبِي يَقُولُ، قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . حَمَلْتُ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ،  
فَرَأَيْتُهُ يُبَاعُ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشْتَرِيهِ فَقَالَ "لَا تَشْتَرِهِ، وَلَا تُعْدُ فِي  
صَدَقَتِكَ". 1179

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ، قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ  
عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، حَمَلَ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَوَجَدَهُ يُبَاعُ، فَأَرَادَ أَنْ يَبْتَاعَهُ، فَسَأَلَ رَسُولَ  
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ "لَا تَبْتَعَهُ، وَلَا تُعْدُ فِي صَدَقَتِكَ". 1180

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا  
أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، حَمَلَ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَوَجَدَهُ يُبَاعُ، فَأَرَادَ أَنْ يَبْتَاعَهُ، فَسَأَلَ  
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ "لَا تَبْتَعَهُ، وَلَا تُعْدُ فِي صَدَقَتِكَ". 1181

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ، حَدَّثَنِي مَالِكٌ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ .  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . يَقُولُ حَمَلْتُ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَابْتَاعَهُ . أَوْ فَأَضَاعَهُ . الَّذِي كَانَ عِنْدَهُ،  
فَأَرَدْتُ أَنْ أَشْتَرِيَهُ، وَظَنَنْتُ أَنَّهُ بَائِعُهُ بِرُحْصٍ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ "لَا  
تَشْتَرِهِ وَإِنْ بَدَرَهُمْ، فَإِنَّ الْعَائِدَ فِي هَبْتِهِ كَالْكَلْبِ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ". 1182

Bagi hadis pertama dan kedua, membahaskan tentang upah yang diberikan oleh orang yang tidak menyertai peperangan kepada orang yang keluar berperang atau orang yang menggantikannya berperang di jalan Allah SWT. Hal ini mengisahkan tentang Ibnu Umar ra yang memberikan kudanya kepada seseorang untuk digunakan untuk tujuan jihad di jalan Allah SWT. Bagi hadis ketiga dan keempat pula

1179 Lihat no hadis 2970

1180 Lihat no hadis 2971

1181 Lihat no hadis 3002

1182 Lihat no hadis 3003

membahaskan tentang sesuatu yang diberikan tidak boleh diambil atau dibeli kembali. Hal ini mengisahkan tentang Ibnu Umar ra yang ingin membeli kembali kuda yang telah disedekahkan kepada seseorang tetapi dilarang oleh nabi saw.

#### 1.8. Harta rampasan kepada kuda perang

Terdapat satu hadis yang membahaskan tentang pembahagian harta rampasan kepada kuda dan pemiliknya ketika peperangan berakhir. Hadis ini terletak di bawah tajuk “Bahagian kuda (harta rampasan)” yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar ra.

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، عَنْ أَبِي أُسَامَةَ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَعَلَ لِلْفَرَسِ سَهْمَيْنِ وَإِصْحَابِهِ سَهْمًا . وَقَالَ مَالِكٌ يُسْنَهُمُ لِلْحَيْلِ وَالْبَرَادِيزِ مِنْهَا لِقَوْلِهِ { وَالْحَيْلِ وَالْبِغَالِ وَالْحَمِيرَ لِيَتْرَكُوهُمَا } وَلَا يُسْنَهُمْ لِأَكْثَرِ مَنْ فَرَسٍ.<sup>1183</sup>

Hadis ini memfokuskan tentang pembahagian harta rampasan kepada kuda dan pemiliknya dengan bahagian yang telah ditentukan iaitu sebanyak dua bahagian kepada kuda dan satu bahagian kepada pemiliknya. Pembahagian harta rampasan ini bergantung kepada jenis kuda atau haiwan yang digunakan di dalam peperangan seperti kuda, *baradzin* (sejenis kuda kacukan), *baghal* atau keldai. Ini kerana, tidak ada pembahagian yang melebihi kuda.

## 2. Keldai

### 2.1 Nama keldai

Terdapat satu hadis yang membahaskan tentang nama keldai, yang mana ia terdapat di bawah bab “Untuk menamakan kuda dan keldai” yang diriwayatkan oleh Muaz ra.

حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، سَمِعَ يَحْيَى بْنَ آدَمَ، حَدَّثَنَا أَبُو الْأَحْوَصِ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، عَنْ عَمْرِو بْنِ مَيْمُونٍ، عَنْ مُعَاذٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كُنْتُ رَدَفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حِمَارٍ يُقَالُ لَهُ عَقْفِيرٌ، فَقَالَ " يَا مُعَاذُ، هَلْ تَدْرِي حَقَّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ ". قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ . قَالَ " فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا،

<sup>1183</sup> Lihat no hadis 2863

وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا " . فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَفَلَا أُبَشِّرُ  
بِهِ النَّاسَ قَالَ " لَا تُبَشِّرُهُمْ فَيَتَكَلَّمُوا " .<sup>1184</sup>

Hadis ini mengisahkan tentang dirinya sendiri iaitu Muaz ra yang pernah membonceng keldai bersama nabi saw yang bernama 'Ufair. Yang mana menurut Imam Zakaria al-Anshari keldai Nabi SAW berwarna merah yang bercampur dengan warna putih.

## 2.2 Alat tunggangan

Terdapat dua hadis yang membahaskan tentang keldai yang dijadikan sebagai alat tunggangan, yang keduanya terletak di bawah satu bab yang sama iaitu bab "Dua orang lelaki yang duduk bersama di atas keldai".

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ، حَدَّثَنَا أَبُو صَفْوَانَ، عَنْ يُونُسَ بْنِ يَزِيدَ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ أُسَامَةَ  
بْنِ زَيْدٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا . أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ عَلَى حِمَارٍ، عَلَى إِكْفٍ  
عَلَيْهِ قَطِيفَةٌ، وَأَزْدَفَ أُسَامَةَ وَرَاءَهُ.<sup>1185</sup>

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، قَالَ يُونُسُ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْبَلَ يَوْمَ الْفَتْحِ مِنْ أَعْلَى مَكَّةَ عَلَى رَاحِلَتِهِ، مُرْدِفًا أُسَامَةَ  
بْنَ زَيْدٍ وَمَعَهُ بِلَالٌ وَمَعَهُ عُثْمَانُ بْنُ طَلْحَةَ مِنَ الْحِجَابَةِ، حَتَّى أَنَاخَ فِي الْمَسْجِدِ، فَأَمَرَهُ أَنْ يَأْتِيَ  
بِمِفْتَاحِ الْبَيْتِ، فَفَتَحَ وَدَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَهُ أُسَامَةُ وَبِلَالٌ وَعُثْمَانُ،  
فَمَكَثَ فِيهَا نَهَارًا طَوِيلًا ثُمَّ خَرَجَ، فَاسْتَبَقَ النَّاسُ، وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ أَوَّلَ مَنْ دَخَلَ،  
فَوَجَدَ بِلَالَ وَرَاءَ الْبَابِ قَائِمًا، فَسَأَلَهُ أَيْنَ صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَشَارَ لَهُ إِلَى  
الْمَكَانِ الَّذِي صَلَّى فِيهِ، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ فَانْسَيْتُ أَنْ أَسْأَلَهُ كَمْ صَلَّى مِنْ سَجْدَةٍ<sup>1186</sup> .

Kedua-dua hadis ini membahaskan tentang Nabi SAW menggunakan keldai sebagai tunggangan mereka dan memboncengi sahabat di belakangnya. Bagi hadis pertama ia hanya menjelaskan bahawa nabi saw dan memboncengkan Usamah di atas

<sup>1184</sup> Lihat no hadis 2856

<sup>1185</sup> Lihat no hadis 2987

<sup>1186</sup> Lihat no hadis 2988

keldainya yang di alas kain diatas pelana, manakala menurut al-Hafiz Ibn Hajar hadis kedua pula tidak menjelaskan secara khusus haiwan yang ditunggangi baginda adalah seekor keldai kecuali Nabi SAW memboncengi Usamah bin Zaid ra di atas haiwan tunggangannya bersama-sama dengan Bilal ra dan Uthman bin Thalhah ra ketika hari pembebasan Kota Makkah.

### 3. Baghal

#### 3.1 Baghal Nabi SAW

Terdapat satu hadis yang membahaskan tentang *baghal* nabi saw. Imam Bukhari meletakkan satu hadis dibawah tajuk “*Baghal* putih nabi saw” yang diriwayatkan oleh Abu Ishaq.

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو إِسْحَاقَ، قَالَ سَمِعْتُ  
عَمْرُو بْنَ الْحَارِثِ، قَالَ مَا تَرَكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا بَعْلَتَهُ الْبَيْضَاءَ وَسِلَاحَهُ وَأَرْضًا  
تَرَكَهَا صَدَقَةً.<sup>1187</sup>

Hadis ini mengisahkan tentang *baghal* Nabi SAW berwarna putih. Ini kerana intipati hadis mengatakan bahawa ketika Nabi SAW wafat, baginda tidak meninggalkan harta kecuali seekor *baghal* putih, senjata dan sebidang tanah untuk disedekahkan.

#### 3.2 Alat tunggangan

Terdapat empat hadis yang membahaskan tentang Nabi SAW yang tetap menunggang *baghal* putihnya dalam peperangan. Yang mana keempat-empat hadis ini merupakan hadis berulang tetapi mempunyai jalur periwayatan yang berbeza dan juga penambahan beberapa lafaz dari segi teks hadis. Bagi hadis pertama diletakkan di bawah tajuk “Memimpin haiwan orang lain semasa pertempuran”, hadis kedua dibawah bab “*Baghal* putih nabi saw”, hadis ketiga dibawah bab “Sesiapa yang mengatur kawannya saat kekalahan dan turun dari haiwan tunggangannya dan memohon pertolongan kepada Allah SWT” dan hadis keempat dari bab “Berkata; ‘ambilah! saya anak si fulan’”. Keempat-empat hadis daripadanya diriwayatkan oleh perawi yang sama iaitu Al-Bara’ bin ‘Azib.

حَدَّثَنَا فُتَيْبَةُ، حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ يُوسُفَ، عَنْ شُعْبَةَ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، . قَالَ رَجُلٌ لِلْبَرَاءِ بْنِ  
عَازِبٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا . أَفَرَرْتُمْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ حُنَيْنٍ قَالَ لَكِنَّ

---

<sup>1187</sup> Lihat no hadis 2873

رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَفِرَّ، إِنَّ هَوَازِنَ كَانُوا قَوْمًا رُمَاءً، وَإِنَّا لَمَّا لَقِينَاهُمْ حَمَلْنَا عَلَيْهِمْ فَاهْتَزَمُوا، فَأَقْبَلَ الْمُسْلِمُونَ عَلَى الْعَنَائِمِ وَاسْتَقْبَلُونَا بِالسِّهَامِ، فَأَمَّا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَفِرَّ، فَلَقَدْ رَأَيْتُهُ وَإِنَّهُ لَعَلَى بَعْلَتِهِ الْبَيْضَاءِ وَإِنَّ أَبَا سُفْيَانَ أَخَذَ بِلِجَامِهَا، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ "أَنَا النَّبِيُّ لَا كَذِبَ أَنَا ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ" 1188.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ سُفْيَانَ، قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو إِسْحَاقَ، عَنِ الْبَرَاءِ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ لَهُ رَجُلٌ يَا أَبَا عُمَارَةَ وَلَيْتُمْ يَوْمَ حُنَيْنٍ قَالَ لَا، وَاللَّهِ مَا وَلى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَكِنْ وَلى سَرَعَانُ النَّاسِ، فَلَقِيَهُمْ هَوَازِنُ بِالنَّبْلِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى بَعْلَتِهِ الْبَيْضَاءِ، وَأَبُو سُفْيَانَ ابْنُ الْحَارِثِ أَخَذَ بِلِجَامِهَا، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ "أَنَا النَّبِيُّ لَا كَذِبَ أَنَا ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ" 1189

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ، حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ، حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ، قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ، وَسَأَلَهُ، رَجُلٌ أَكُنْتُمْ فَرَزْتُمْ يَا أَبَا عُمَارَةَ يَوْمَ حُنَيْنٍ قَالَ لَا، وَاللَّهِ مَا وَلى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَكِنَّهُ حَرَجَ شُبَّانَ أَصْحَابِهِ وَأَحْفَاؤُهُمْ حُسْرًا لَيْسَ بِسِلَاحٍ، فَأَتَوْا قَوْمًا رُمَاءً، جَمَعَ هَوَازِنَ وَبَنِي نَصْرٍ، مَا يَكَادُ يَسْفُطُ لَهُمْ سَهْمٌ، فَرَشَقُوهُمْ رَشَقًا مَا يَكَادُونَ يُخْطِئُونَ، فَأَقْبَلُوا هُنَالِكَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى بَعْلَتِهِ الْبَيْضَاءِ، وَابْنُ عَمِّهِ أَبُو سُفْيَانَ ابْنُ الْحَارِثِ ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ يَقُودُ بِهِ، فَزَلَّ وَاسْتَنْصَرَ ثُمَّ قَالَ أَنَا النَّبِيُّ لَا كَذِبَ أَنَا ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ ثُمَّ صَفَّ أَصْحَابَهُ. 1190

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ، عَنْ إِسْرَائِيلَ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، قَالَ سَأَلَ رَجُلٌ الْبَرَاءَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . فَقَالَ يَا أَبَا عُمَارَةَ، أَوَلَيْتُمْ يَوْمَ حُنَيْنٍ قَالَ الْبَرَاءُ وَأَنَا أَسْمَعُ أَمَّا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَقُولْ

1188 Lihat no hadis 2864

1189 Lihat no hadis 2874

1190 Lihat no hadis 2930



يَوْمَئِذٍ، كَانَ أَبُو سُفْيَانَ بْنِ الْحَارِثِ أَخِذًا بِعِنَانٍ بَعَلْتِهِ، فَلَمَّا غَشِيَهُ الْمُشْرِكُونَ نَزَلَ، فَجَعَلَ  
يَقُولُ أَنَا النَّبِيُّ لَا كَذِبَ، أَنَا ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ قَالَ فَمَا رَأَيْ مِنَ النَّاسِ يَوْمَئِذٍ أَشَدُّ مِنْهُ.<sup>1191</sup>

Keempat hadis ini membahaskan tentang peristiwa ketika peperang *hunain* berlangsung, walaupun tentera muslim diambang kekalahan kerana terdapat sebahagian tentera yang mengambil langkah mengundurkan diri untuk menyelamatkan nyawa tetapi Nabi SAW tidak mundur dalam peperangan tersebut. Hadis pertama menjelaskan tentang Abu Sufyan yang memegang tali kekang *baghal* yang ditunggangi oleh Nabi SAW ketika peperangan *hunain*. Hadis kedua pula memfokuskan tentang *baghal* yang ditunggang oleh Nabi SAW ketika peperangan *hunain* berwarna putih. Manakala hadis ketiga dibawah mengisahkan tentang Nabi SAW yang menunggang *baghal* putihnya untuk maju menghadapi musuh dan mengatur para sahabat ra yang masih bersama dalam peperangan setelah sebahagian daripadanya mundur dari medan peperangan untuk menyelamatkan diri. Dan hadis terakhir mengisahkan tentang keberanian Nabi SAW ketika menghadapi musuh dalam peperangan *hunain*. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar tindakan baginda Nabi SAW yang melaungkan bahawa dirinya adalah seorang nabi yang tidak berdusta dan anak dari Abdul Muthalib dari atas tunggangan *baghal* putihnya menunjukkan sifatnya yang tidak gentar kepada musuh sehingga tiada seorang dapat menandingi keberanian Nabi SAW ketika itu

#### 4. Unta

##### 4.1 Nama unta

Terdapat satu hadis yang membahaskan tentang nama unta Nabi SAW, iatu hadis yang terdapat di bawah bab “Unta betina Nabi SAW”.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ، حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ، عَنْ حُمَيْدٍ، قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا .  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . يَقُولُ كَانَتْ نَاقَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَالُ لَهَا الْعَضْبَاءُ.<sup>1192</sup>

Hadis ini membahaskan tentang nama unta Nabi SAW yang dipanggil dengan *al-‘Adba’*. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar dan Imam Zakaria al-Anshari *al-‘Adba’* bermaksud telinganya yang terpotong atau terbelah.

##### 4.2 Pertandingan unta

<sup>1191</sup> Lihat no hadis 3042

<sup>1192</sup> Lihat no hadis 2871

Terdapat satu hadis yang membahaskan tentang unta Nabi SAW yang dikalahkan oleh seorang *badwi*, iaitu hadis yang terdapat di bawah bab “Unta betina Nabi SAW”.

حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ، عَنْ حُمَيْدٍ، عَنْ أَنَسٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ كَانَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَاقَةٌ تُسَمَّى الْعَضْبَاءَ لَا تُسَبِّقُ . قَالَ حُمَيْدٌ أَوْ لَا تَكَادُ تُسَبِّقُ . فَجَاءَ أَعْرَابِيٌّ عَلَى قَعُودٍ فَسَبَقَهَا، فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ، حَتَّى عَرَفَهُ فَقَالَ " حَقٌّ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يَرْتَفِعَ شَيْءٌ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا وَضَعَهُ " . طَوَّلَهُ مُوسَى عَنْ حَمَّادٍ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.<sup>1193</sup>

Hadis ini mengisahkan tentang unta nabi saw yang bernama *al-‘Adba’* yang sebelumnya tidak pernah dikalahkan oleh sesiapa tetapi dapat dikalahkan oleh seorang *badwi* yang mana al-Hafiz Ibn Hajar tidak menemukan keterangan tentang nama orang arab *badwi* tersebut. Imam Zakaria al-Anshari menjelaskan bahawa unta yang ditunggangi oleh *badwi* tersebut merupakan unta yang layak ditunggangi kerana had umur untuk menunggang unta bermula dari dua hingga enam tahun.

## Kesimpulan

Setelah mengumpul dan menganalisa hadis-hadis jihad yang terdapat di dalam Kitab Jihad wa Siyar, Sahih Bukhari berkaitan dengan perbahasan haiwan, maka terdapat beberapa perkara yang dapat disimpulkan oleh pengkaji terhadap perbahasan ini iaitu:

1. Perbahasan tentang haiwan yang terdapat di dalam Kitab Jihad wa Siyar Sahih Bukhari mempunyai kaitan secara langsung dengan jihad dan peperangan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan juga para sahabat.
2. Terdapat perbahasan haiwan secara umum yang turut diselitkan oleh Imam Bukhari yang mempunyai kaitan dengan perbuatan Nabi Muhammad SAW dan juga para sahabat.
3. Penggunaan haiwan sebagai salah satu pengangkutan dan senjata pada zaman Nabi SAW.
4. Terdapat pengkhususan harta rampasan perang yang diberikan kepada kuda yang terlibat secara langsung dalam peperangan.

## Rujukan

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (1422H). Sahih al-Bukhari, Tahqiq: Muhammad Zuhair Nasir, Dar Tauq al-Najah.

---

<sup>1193</sup> Lihat no hadis 2872

- Dewan Bahasa dan Pustaka. Haiwan, Retrieved September 05, 2023 from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=haiwan>
- Hamzah Muhammad Qasim. (1410H). *Manar al-Qary Syarah Mukhtasar Sahih Bukhari*, Damsyiq: Maktabah Dar al-Bayan.
- Hediger, R. (Ed.). (2012). *Animals and war: studies of Europe and North America* (Vol. 15). Brill.
- Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al- ‘Asqalani. (1379H). *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Md Ariffin, M. F. (2015). *Analisis hadith mengenai haiwan fasiq dalam al-Kutub al-Sittah: kajian terhadap persepsi masyarakat Melayu di Daerah Pengkalan Hulu, Perak/Mohd Farhan bin Md Ariffin* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Muhammad Anwar Syah bin Muazzam Syah al-Kashmiri al-Hindi. (1426H). *Faidh al-Bari ‘Ala Syarah Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyah.
- Putra, A. K., Trisnawati, E., Kusniati, R., Sipahutar, B., & Ramlan, R. (2022). Penggunaan Hewan dalam Konflik Bersenjata: Kajian Hukum Humaniter Internasional. *Undang: Jurnal Hukum*, 5(1), 207-230.
- Sands, P., Peel, J., Fabra, A., & Mackenzie, R. (2012). *Principle of International Enviromental Law* Cambridge: Cambridge University Press, 13.
- Zakaria bin Muhammad bin Ahmad Zakaria al-Ansari. (1426H). *Tuhfatul al-Bari bi Syarah Sahih Bukhari*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.